

TEKS MENDENGAR

Tema 1 Suluh Masa Depan

Track 1

Dengar petikan dengan telitinya. Kemudian, persembahkan idea dalam petikan tersebut dengan mengujarkan perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan yang digunakan dengan betul, tepat, dan jelasnya.

Peranan remaja dan belia amat besar dalam melestarikan bidang keilmuan, kebudayaan, kesihatan, dan sebagainya. Dalam era ledakan teknologi maklumat hari ini, kita biasa mendengar peribahasa yang berbunyi ‘pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara’. Slogan ini membuktikan kepentingan remaja dalam membangunkan negara, khususnya ke arah pembentukan Malaysia Madani. Negara kita telah menghela nafas kemerdekaan lebih daripada separuh abad, namun remaja yang merupakan bakal tunjang negara pada hari muka kadangkala masih terbelenggu oleh pelbagai kemelut sosial. Situasi ini menunjukkan bahawa mentaliti segelintir remaja di negara kita masih belum mengalami anjakan paradigma selaras dengan aspirasi negara.

Menurut kata mutiara sarjana, “Jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini.” Presiden Soekarno dari Indonesia pula pernah mengungkapkan, “Berikan saya 10 orang belia, nescaya akan saya gegarkan dunia.” Kata-kata ini membuktikan bahawa remaja yang berkualiti dapat memperkasakan kegemilangan nusa dan bangsa. Oleh itu, setiap remaja perlu memainkan peranan mereka dengan penuh tanggungjawab dalam merencanakan pembangunan negara, selaras dengan acuan Madani seperti yang telah digagaskan oleh Perdana Menteri kita. Belia yang cemerlang dalam pendidikan dan akhlak merupakan aset yang paling penting kepada sesebuah negara. Lantaran itu, pelbagai pihak perlu terus komited untuk mendidik remaja menjadi insan berkualiti yang mampu berbakti kepada agama, bangsa, dan negara.



Tema 2 Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Track 2

Dengar dan kenal pasti isu yang dikemukakan dalam petikan. Kemudian, berbincanglah tentang isu tersebut dengan menggunakan pelbagai ujaran.

- Julia: Farhana, adakah kamu maklum bahawa kita sangat digalakkan untuk makan buah-buahan dan sayur-sayuran dalam diet seharian kita?
- Farhana: Sudah tentu. Hal ini dikatakan demikian kerana buah-buahan dan sayur-sayuran kaya dengan khasiat yang merangkumi pelbagai vitamin, nutrien, dan mineral. Kita juga disarankan agar makan tiga sajian sayur yang pelbagai warna pada setiap hari manakala buah-buahan pula dua sajian setiap hari. Nutrien yang terdapat dalam buah-buahan dan sayur-sayuran mampu mencegah banyak penyakit termasuk penyakit kronik.
- Julia: Benar. Antara buah yang sangat baik dimakan ialah nanas kerana mengandungi vitamin C yang tinggi dan sangat diperlukan untuk kesihatan tubuh terutama untuk menyembuhkan luka. Kandungan vitamin B terutama B1 dalam nanas dapat membantu proses penghadaman dan melancarkan proses pencernaan. Sawi pula antara sayur yang sangat baik untuk kesihatan. Satu cawan sawi mempunyai nutrisi seperti protein, lemak, karbohidrat, serat, air, kalsium, zat besi, kalium, dan vitamin. Sawi juga kaya antioksidan yang berfungsi untuk membantu melawan radikal bebas dalam tubuh dan sangat bermanfaat untuk kesihatan mata.

Tema 3 Kecerdasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat**Track 3**

Dengar petikan dan teliti bahan yang berikut. Kategorikan maklumat yang terdapat dalam kedua-dua bahan, kemudian berbuallah tentang maklumat tersebut.

Catur antara permainan tertua di dunia yang banyak menggunakan kemampuan pemain menyusun strategi dengan baiknya. Permainan catur mungkin agak rumit bagi sesetengah individu yang kurang gemar dalam memikirkan strategi perlawanan. Pemain catur juga perlu mempertimbangkan pelbagai kemungkinan gerakan dan strategi yang tepat dan berusaha untuk membuat keputusan yang matang. Keadaan ini dapat meningkatkan fokus dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Bermain catur juga memerlukan pengiraan yang amat cermat dan strategi yang mantap. Pemain harus mempertimbangkan langkah-langkah yang berpotensi mengalahkan lawan, membuat keputusan yang tepat, dan berusaha untuk mematikan gerakan lawan. Keadaan ini dapat membentuk kemahiran mencipta strategi dan kemampuan merancang.

Bermain catur dikatakan memiliki hubungan yang berkait rapat dengan tahap kecerdasan otak, terutama secara logik dan visual. Keadaan ini dapat mempengaruhi kemampuan pemain untuk memecahkan masalah, memahami arahan, dan mengingat apa-apa maklumat yang diberikan. Bermain catur memerlukan daya ingatan yang kuat, terutama dalam mengingat langkah yang pernah dimainkan sebelumnya bagi mengelakkan kesalahan. Situasi ini dapat membantu pemain meningkatkan daya ingatannya.

Permainan catur memerlukan pemikiran kreatif untuk membayangkan kemungkinan yang akan dimainkan oleh lawan dan langkah seterusnya setelah lawan kita menggerakkan buah caturnya serta mengembangkan strategi yang berbeza dalam bermain catur. Hal ini dapat mengembangkan pemikiran kreatif pemain.



Tema 7 Persaudaraan Tanpa Sempadan

Track 4

Dengar petikan dengan telitinya. Kemudian, analisis maklumat dalam bahan tersebut. Berikan respons yang betul, tepat, dan bermakna.

Pada 11 Disember 1993, berlaku tragedi runtuhannya sebuah blok bangunan kondominium Highland Tower, Taman Hillview, Ulu Kelang, Selangor yang telah mengorbankan 48 orang mangsa. Isu yang timbul daripada tragedi tersebut ialah negara kita tidak mempunyai kepakaran pasukan penyelamat khusus dalam hal runtuhannya bangunan. Bantuan mencari dan menyelamatkan mangsa-mangsa daripada pihak luar diperlukan. Ekoran daripada itu, jemaah kabinet pada 18 Mei 1994 telah membuat keputusan untuk menubuhkan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia atau SMART yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 1995 dengan kekuatan 85 orang pegawai dan anggota. Markas SMART pada masa itu adalah di PULAPOL, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Keanggotaan SMART melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Antara fungsi SMART adalah melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan mangsa yang di luar kemampuan agensi penyelamat sedia ada dan menghadiri operasi mencari dan menyelamatkan yang rumit dan memerlukan kepakaran yang tinggi serta peralatan canggih. Selain itu, SMART bertanggungjawab dalam kejadian yang dijangka menjadi bencana besar serta melibatkan ramai mangsa, di samping bertindak untuk membantu dalam kejadian bencana yang berlaku dalam dan luar negara apabila diperlukan. Hingga kini, pelbagai operasi dalam dan luar negara telah dilaksanakan oleh SMART.

Tema 11 Alam Anugerah Terindah**Track 5**

Dengar petikan dan lihat foto di bawah. Kemudian, nyatakan maklumat yang tersurat dan tersirat tentang konsep sisa sifar.

Konsep sisa sifar merupakan satu matlamat yang pragmatik dan berwawasan untuk mengajak manusia mencontohi kitaran semula jadi apabila semua bahan buangan menjadi sumber untuk kegunaan lain. Secara mudah, konsep ini menganjurkan kita supaya memaksimumkan kitar semula, meminimumkan sisa berlebihan, mengurangkan penggunaan, dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan dapat diguna semula, dibaiki, dikitar, dan dikomposkan. Satu daripada objektif utama konsep sisa sifar adalah untuk mengurangkan jumlah plastik yang dihasilkan dan digunakan setiap hari kerana kesan besar terhadap alam sekitar yang ditimbulkannya.

Konsep sisa sifar lebih luas dan lebih lengkap berbanding dengan konsep kitar semula. Kitar semula bermula apabila sampah atau sisa tercipta sedangkan konsep sisa sifar bermula seawal proses penciptaan barangan lagi serta melibatkan pihak pengguna, pengeluar, dan pembuat dasar.

Kita perlu mengikis idea salah mengenai sisa sifar, iaitu kita perlu mengitar semula lebih banyak sisa sedangkan hakikatnya ialah amalan sisa sifar mengajar kita untuk menjalani kehidupan yang ringkas dan mengurangkan sisa isi rumah sebanyak mungkin.